

16 MAY 1999

SABBARUDDIN SEDIA BERHENTI JIKA DIMINTA OLEH PM

TEMERLOH, 16 Mei (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Seri Sabbaruddin Chik berkata beliau sedia berhenti jika diminta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak timbul soal meletak jawatan kerana meletakkan jawatan bermakna tidak bersetuju dengan (Dr Mahathir selaku) presiden Umno yang juga Perdana Menteri," kata beliau kepada pemberita di sini.

Katanya beliau tidak pernah menentang Dr Mahathir dan akan sentiasa menghormatinya.

Laporan akhbar menyebut bahawa Sabbaruddin, 58, menghadapi sakit buah pinggang. Malahan, menteri itu dipetik sebagai berkata beliau menjangkakan satu rombakan kecil kabinet akan dilakukan dalam tempoh terdekat ini yang mungkin melibatkan kedudukannya.

Ketika ditemui hari ini, Sabbaruddin yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata beliau kini menjalankan tugas seperti biasa tetapi "jika presiden (parti) meminta kita berhenti, kita berhentilah."

Sabbaruddin yang juga Anggota Parlimen Temerloh, dilantik Timbalan Menteri Kewangan pada 1982 sebelum menjadi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada 1987.

-- BERNAMA

ZY MAI